



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 DISEMBER 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|------------------------------|----|
| - 10 minit elak cegah denggi | 24 |
|------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	10 minit elak cegah denggi
Muka Surat	24

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

SH 17/12/18 M 5 24.

10 minit elak cegah denggi

LEMBAH JAYA - Jumlah kes denggi di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dari Januari sehingga November dilaporkan sebanyak 2,367 membabitkan tiga kematian.

Ahli Majlis, MPAJ, Zulkifli Ibrahim berkata, walaupun menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus namun penduduk dinasihatkan berwaspada bagi mengelakkan peningkatan kes bulan ini.

Menurutnya, PBT itu dimaklumkan sebanyak enam kes denggi berlaku di kawasan Ampang Campuran dan turut membabitkan seorang kakitangannya.

"Kita melaksanakan dua program gotong-royong se-rentak di kawasan Kampung

Ampang Campuran dan Taman Seri Bayu, semalam.

"Saya harap usaha ini dapat menyedarkan penduduk supaya tak abaikan aspek kebersihan hingga mengundang pembiakan aedes. Ini antara usaha memupuk kesedaran dalam kalangan penduduk," katanya.

Beliau juga mahu penduduk memperuntukkan 10 minit sehari memeriksa air bertakung di kawasan rumah.

"Peranan dan komitmen daripada semua lapisan masyarakat amat diharapkan untuk membantu menjayakan kempen bagi membasmikan masalah denggi di Ampang Jaya," katanya.

Zulkifli berkata, beliau turut dimaklumkan pembi-

akan nyamuk aedes boleh berlaku di alas rak pinggang mangkuk.

"Kebiasaan pemilik rumah meletakkan rak ini di tepi tingkap dapur, kawasan pula gelap, sejuk dan tingkap terbuka, persekitaran luar pula sudah sedia ada kawasan pembiakan nyamuk, maka senang nyamuk membiak," katanya.

Menurutnya, selain semburan kabus, jabatan kesihatan membekalkan ubat menghapuskan jentik-jentik kepada penduduk.

"Penduduk perlu bekerjasama membantu menjaga kebersihan termasuk mendidik golongan belia mengenai usaha membasmikan wabak denggi," katanya.



Penduduk Taman Seri Bayu bergambar bersama Zulkifli selepas gotong-royong, semalam.